



## **KENYATAAN MEDIA**

### **JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SEMBILAN**

#### **KES ALAM SEKITAR YANG DIBAWA KE MAHKAMAH DAN TELAH SELESAI:**

#### **PENDAKWARAYA**

#### **LAWAN**

#### **N9 INDUSTRIES SDN BHD**

**(NO SYARIKAT: 202201031954 / 1477651- P)**

3 Julai 2024 – N9 Industries Sdn Bhd merupakan premis menjalankan aktiviti peleburan bateri asid plumbum (kod SW102) seperti yang disenaraikan dibawah jadual Pertama, Peraturan – peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 di atas Lot 739, Jalan Zamrud, Nilai Industrial Park, 71800 Nilai, Negeri Sembilan.

2. Pada 17 Julai 2023 pada jam sekitar 6.00 petang, sepasukan pegawai dari Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan telah menjalankan siasatan penguatkuasaan ke premis tersebut. Semasa siasatan aduan dijalankan, mendapati kilang beroperasi tanpa mempunyai lesen bagi ‘Kemudahan Pemerolehan Kembali Luar Tapak’ daripada Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling.

3. Sebanyak empat (4) sampel buangan telah diambil secara rawak dari longgokan serpihan bekas plastik dari komponen bateri asid plumbum, serpihan bongkah plumbum (produk) dari proses peleburan bateri asid plumbum, longgokan plat plumbum dari komponen asid plumbum, serta pepejal bateri asid plumbum. Sampel berkenaan dihantar ke Jabatan Kimia, Petaling Jaya untuk dianalisa oleh Ahli Kimia Kerajaan.

5. Pihak premis didapati telah melakukan kesalahan di bawah Peraturan Seksyen 18(1), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan boleh dihukum dibawah Seksyen 18 (3) Akta yang sama.

6. Hakim Mahkamah Sesyen 4, Seremban, Yang Arif Puan Mazni binti Nawi telah mensabitkan kesalahan yang dilakukan oleh premis tersebut telah Syarikat telah dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM 22,000.00.

6. Pihak OKS yang diwakili oleh Soon Kein Chong selaku pengurus syarikat telah membuat pengakuan bersalah di atas pertuduhan yang dibacakan dan membayar denda seperti yang ditetapkan. Pendakwaan dijalankan oleh Pegawai Pendakwa Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan, Muhammad Fitri bin Soroni dan Puan Zainoorliza Binti Zainal Abidin.

7. JAS Negeri Sembilan akan sentiasa mengambil tindakan tegas dan tiada kompromi kepada penjenayah alam sekitar. Saya menyeru orang awam untuk melaporkan sebarang aktiviti yang mencemarkan alam sekitar melalui:

i. Portal e-aduan.doe.gov.my (<https://eaduan@doe.gov.my>)

ii. Call centre 1-800-88-2727

iii. Emel [aduan\\_k@doe.gov.my](mailto:aduan_k@doe.gov.my)

Sekian.

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SEMBILAN 3 JULAI 2024